



Ringkasan

20

Usul Tafsir Al-Qur'an

Yang Perlu dikuasai Untuk Memahami
Al-Qur'an Dengan Betul Dan Selamat

Nota (14)

OLEH MAULANA MUHAMMAD ASRI YUSOFF

(5) Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ayat 240 di bawah ini juga mansukh:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا وَصِيَّةً لِّأَزْوَاجِهِمْ مَّتَّعًا إِلَى الْخُلُوفِ غَيْرَ إِخْرَاجٍ فَإِنْ خَرَجْنَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ مِنْ مَّعْرُوفٍ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٤٠﴾

Bermaksud: Dan orang-orang yang akan meninggal dunia di antaramu dan meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isterinya, (iaitu) diberi nafkah hingga setahun lamanya dan tidak disuruh pindah (dari rumahnya). Akan tetapi jika mereka pindah (sendiri), maka tidak ada dosa bagimu (wali atau waris dari yang meninggal) membiarkan mereka berbuat yang ma'ruf terhadap diri mereka. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (al-Baqarah:240).

Ia dikatakan dimansukh oleh firman Allah berikut:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Bermaksud: Orang-orang yang meninggal dunia di antaramu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menangguhkan dirinya (ber'iddah) empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis iddahnya, maka tiada dosa bagimu (para wali) membiarkan mereka berbuat terhadap diri mereka menurut yang patut. Allah mengetahui apa yang kamu perbuat. (al-Baqarah:234).

Semasa jahiliah perempuan yang kematian suami beriddah selama setahun. Itulah yang disebut di dalam ayat 240 Surah al-Baqarah di atas. Islam juga menerima tempoh itu di peringkat permulaannya. Tetapi Allah memerintahkan orang-orang yang akan meninggal dunia dan meninggalkan isteri agar berwasiat untuk isteri-isterinya, (iaitu) diberi nafkah hingga setahun lamanya dan tidak disuruh pindah (dari rumah atau tempat tinggalnya). Akan tetapi jika mereka sendiri mahu berpindah, maka tidak ada dosa bagi wali atau waris dari yang meninggal membiarkan mereka berbuat yang ma'ruf terhadap diri mereka.

Kemudian tempoh iddah selama setahun itu dimansukhkan kepada empat bulan sepuluh hari melalui ayat 234 Surah al-Baqarah, kecuali kalau si isteri mengandung, maka iddahnya ialah sehingga ia melahirkan kandungannya. Wasiat yang diperintahkan itu pula dimansukhkan dengan ayat pesaka. Tentang tempat tinggal

isteri pula terdapat khilaf di kalangan `ulama`. Ada yang berkata, ia dikekalkan dan ada pula yang berkata, ia dimansukhkan dengan hadits: *ولا سكنى*. Bagi golongan ini isteri yang kematian suami tidak mempunyai hak lagi baik untuk mendapat nafqah atau tempat tinggal selama setahun itu. Keistimewaan mendapat nafqah dan tempat tinggal kalau pun ada hanyalah selagi belum habis iddah dengan berlalu empat bulan sepuluh hari atau dengan si isteri melahirkan kandungan. Menurut jumhur mufasssirin ayat 240 dari Surah itu sememangnya dimansukhkan dengan ayat 234 dari Surah yang sama. Itulah yang disebutkan oleh Jalaluddin as-Suyuthi. Tetapi menurut Shah Waliyyullah ayat 240 Surah al-Baqarah itu masih boleh dita'wilkan lagi dan tidak perlu dikatakan ia mansukh. Masih ada ruang untuk diamalkan isi kandungan ayat itu dengan kita mengatakan perintah Allah supaya berwasiat itu hanya mustahab, elok atau harus saja dilaksanakan oleh si suami yang akan meninggal dunia. Ia bukanlah suatu yang wajib. Hak berwasiat bukan lagi merupakan tuntutan undang-undang, sebaliknya ia hanya termasuk dalam tuntutan akhlak yang mulia semata-mata. Jika seseorang mengamalkannya, ia akan mendapat pahala kerananya dan jika tidak, maka tidaklah ia berdosa. Si isteri juga tidak berkewajipan mengikut wasiat si suami supaya tinggal di rumahnya selama setahun. Terpulang kepadanya, sama ada mahu terus berada di rumah suaminya atau meninggalkannya sebelum cukup setahun. Demikianlah pandangan Ibnu `Abbaas terhadap ayat 240 Surah al-Baqarah. Bahkan itulah yang zahir daripada ayat berkenaan. Maka tidak perlulah ia disenaraikan sebagai ayat yang mansukh.

(6) Firman Allah ini:

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ ۖ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾

Bermaksud: Kepunyaan Allah-lah segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikannya, niscaya Allah akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka Allah mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (al-Baqarah:284).

isteri pula terdapat khilaf di kalangan `ulama`. Ada yang berkata, ia dikekalkan dan ada pula yang berkata, ia dimansukhkan dengan hadits: *ولا سكنى*. Bagi golongan ini isteri yang kematian suami tidak mempunyai hak lagi baik untuk mendapat nafqah atau tempat tinggal selama setahun itu. Keistimewaan mendapat nafqah dan tempat tinggal kalau pun ada hanyalah selagi belum habis iddah dengan berlalu empat bulan sepuluh hari atau dengan si isteri melahirkan kandungan. Menurut jumhur mufasssirin ayat 240 dari Surah itu sememangnya dimansukhkan dengan ayat 234 dari Surah yang sama. Itulah yang disebutkan oleh Jalaluddin as-Suyuthi. Tetapi menurut Shah Waliyyullah ayat 240 Surah al-Baqarah itu masih boleh dita'wilkan lagi dan tidak perlu dikatakan ia mansukh. Masih ada ruang untuk diamalkan isi kandungan ayat itu dengan kita mengatakan perintah Allah supaya berwasiat itu hanya mustahab, elok atau harus saja dilaksanakan oleh si suami yang akan meninggal dunia. Ia bukanlah suatu yang wajib. Hak berwasiat bukan lagi merupakan tuntutan undang-undang, sebaliknya ia hanya termasuk dalam tuntutan akhlak yang mulia semata-mata. Jika seseorang mengamalkannya, ia akan mendapat pahala kerananya dan jika tidak, maka tidaklah ia berdosa. Si isteri juga tidak berkewajipan mengikut wasiat si suami supaya tinggal di rumahnya selama setahun. Terpulang kepadanya, sama ada mahu terus berada di rumah suaminya atau meninggalkannya sebelum cukup setahun. Demikianlah pandangan Ibnu `Abbaas terhadap ayat 240 Surah al-Baqarah. Bahkan itulah yang zahir daripada ayat berkenaan. Maka tidak perlulah ia disenaraikan sebagai ayat yang mansukh.

(6) Firman Allah ini:

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ وَإِنْ تُبَدُّوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفَوْهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ ۖ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾

Bermaksud: Kepunyaan Allah-lah segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikannya, niscaya Allah akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka Allah mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (al-Baqarah:284).

Menurut sesetengah 'ulama', ia dimansuhkan dengan firmanNya:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إَصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Bermaksud: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa): “Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah Penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir”. (al-Baqarah:286).

Jika firman Allah (مَا فِي أَنْفُسِكُمْ) di dalam ayat 284 Surah al-Baqarah di atas dipakai dengan erti umum, maka termasuklah juga dalam yang dikira salah oleh Allah s.w.t. itu segala lintasan hati yang di luar daripada kemampuan manusia untuk mengawalinya. Allah juga akan menyiksa mereka kerana lintasan-lintasan hati mereka yang tidak baik. Kalau begitu nampaknya tiada siapa pun manusia yang akan terlepas daripada azab Allah. Kerana itulah ada 'ulama' mengatakan ayat 284 Surah al-Baqarah itu tidak muhkam. Ia sebaliknya dimansuhkan oleh ayat selepasnya iaitu ayat 286 dari Surah yang sama. Kerana ayat 286 dengan tegas menyebutkan bahawa: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Oleh kerana mengawal hati daripada segala lintasan-lintasan sama ada baik atau buruk yang sentiasa tenggelam timbul itu di luar daripada kemampuan manusia, maka ia tentunya tidak dimaksudkan oleh Allah.

Pada pandangan Shah Waliyyullah, hubungan di antara ayat 284 dan 286 Surah al-Baqarah itu bukannya hubungan nasikh dan mansukh, tetapi adalah hubungan khas dan 'aam. Ayat 286 sebetulnya hanya mentakhsiskan (mengkhususkan mafhum) ayat 284 sebelumnya. Tidak perlu sama sekali dikatakan ayat 286 memansuhkan ayat 284.

Ayat 286 menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan (ما فى أنفسكم) di dalam ayat 284 ialah keikhlasan (sifat ikhlas) dan kemunafikan (sifat nifaq) yang tersemat di dalam hati manusia. Sifat-sifat itu sama ada dinyatakan atau disembunyikan, tetap akan dikira oleh Allah. Ia sama sekali tidak bermaksud segala lintasan hati yang tidak mampu dikawal oleh sesiapa pun. Manusia sememangnya tidak mempunyai ikhtiar kesanggupan untuk mengawalinya. Oleh kerana ia termasuk dalam perkara-perkara yang di luar daripada kemampuan dan kesanggupan manusia, maka tentulah Allah tidak akan mengiranya sebagai suatu yang mendatangkan dosa atau pahala. Itulah yang dinyatakan oleh Allah di dalam ayat 286. Hakikat itulah juga yang pernah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam beberapa hadits Baginda. Di bawah ini dikemukakan dua sahaja daripadanya:

(1) إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ عَنْ أُمَّتِي مَا حَدَّثَتْ بِهِ أَنْفُسُهَا مَا لَمْ تَعْمَلْ أَوْ تَتَكَلَّمَ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah mema'afkan (tidak mengira salah) segala bisikan hati umatku selagi ia tidak melakukannya atau mengucapkannya. (Hadits riwayat Bukhari).

(2) إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ عَنْ أُمَّتِي مَا حَدَّثَتْ بِهَا أَنْفُسُهَا وَمَا أَكْرَهُوا عَلَيْهِ إِلَّا أَنْ يَتَكَلَّمُوا بِهِ أَوْ يَعْمَلُوا بِهِ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah mema'afkan (tidak mengira salah) segala bisikan hati umatku dan segala apa yang dilakukannya dengan terpaksa, kecuali kalau mereka mengucapkannya atau melakukannya. (Hadits riwayat ad-Daaraquthni).

(7) Firman Allah di dalam Surah Aali `Imraan berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. (Aali `Imraan:102).

Menurut sesetengah `ulama', ia mansukh dengan firman Allah berikut:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَأَسْعُوا وَاطِيعُوا وَأَنْفِقُوا خَيْرًا لِّأَنْفُسِكُمْ ۚ وَمَنْ يُوقْ شَحْ نَفْسِهِ ۖ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: Maka bertaqwalah kamu kepada Allah menurut kemampuanmu dan dengarlah (akan pengajaran-pengajaranNya) serta ta'atlah (akan perintah-perintahNya) dan belanjakanlah harta yang baik untuk dirimu. Dan barangsiapa yang terpelihara daripada kebakhilan dirinya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung. (at-Taghaabun:16).

Sesetengah 'ulama' pula berpendapat ia tidak mansukh, ia bahkan satu ayat yang muhkam.

Imam Ibnul 'Arabi berkata, "Di dalam Surah Aali 'Imraan tidak ada satu pun ayat lain selain ayat 102 itu yang layak dida'wa telah mansukh."

Alasan para 'ulama' yang mengatakan ayat 102 Surah Aali 'Imraan itu mansukh ialah kandungan perintah Allah yang tersebut di dalamnya di luar daripada kemampuan dan kesanggupan manusia. Sedangkan di dalam ayat 286 Surah al-Baqarah Allah telah menegaskan bahawa Dia tidak membebankan manusia melainkan sekadar kemampuannya.

Perintah Allah di dalam Surah Aali 'Imraan ayat 102 pula menghendaki manusia bertaqwa kepadanya dengan sebenar-benar taqwa. Tentu sekali manusia tidak mampu sentiasa ta'at dan ingat kepada Allah setiap masa. Tidak melakukan ma'shiat langsung di sepanjang hayat juga di luar daripada kemampuan dan kesanggupan manusia. Maka semestinya ada ayat lain yang memansukhkannya. Ia sama ada ayat 16 Surah at-Taghabun atau ayat 286 Surah al-Baqarah yang telah dikemukakan sebelum ini.

Shah Waliyyullah pula berpendapat, ayat 102 di dalam Surah Aali 'Imraan itu tidak perlu dikatakan mansukh dengan mana-mana ayat lain. Ia sememangnya tidak mansukh. Ayat 16 Surah at-Taghabun yang dikatakan sebagai nasikhnya itu sebenarnya hanya menjelaskan dan mentafsirkan ma'na taqwa yang berbeza pada kedua-dua ayat tersebut. Di dalam ayat 102 Surah Aali 'Imraan ia bererti memelihara diri dengan betul-betul daripada kesyirikan dan kekufuran atau dengan kata lain dalam bab akidah umat Islam hendaklah betul-betul menjaga akidahnya. Di dalam ayat 16 Surah at-Taghabun pula orang-orang yang beriman diperintahkan agar bertaqwa sekadar termampu, ia bererti beramal saleh sekadar termampu. Manusia dikira bersalah apabila meninggalkan amalan yang mampu dibuatnya, tetapi jika sesuatu amalan yang diperintahkan itu tidak mampu dikerjakannya, maka tidaklah ia

dikira bersalah kerana meninggalkannya. Sebagai contohnya orang yang tidak mampu berwudhu', hendaklah bertayammum. Ia tidak dipaksa menggunakan air juga walaupun ketika tiada air atau ketika tidak boleh menggunakannya kerana sakit dan sebagainya. Demikian juga orang yang tidak mampu bersembahyang sambil berdiri, boleh saja bersembahyang sambil duduk. Allah tidak mengira salah apabila manusia meninggalkan apa yang tidak mampu dibuatnya. Memang begitulah Sunnatullah (ketetapan Allah). Jadi tidak perlu langsung ayat 102 Surah Aali 'Imraan itu dimansuhkan. Ia tetap dengan halnya menuntut orang-orang yang beriman agar benar-benar beriman dan menjauhi kesyirikan serta kekufuran hingga ke akhir hayat mereka. Memang itu pun yang diisyaratkan oleh siaq (halaman) ayat berkenaan apabila ia ditutup dengan firman Allah: "...dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam". Pada kebiasaannya ketika hampir mati manusia tidak mampu melakukan apa-apa amalan zahir lagi selain daripada amalan hati yang boleh tetap teguh dengan kepercayaan dan akidah yang dipegang selama ini. Itu jua yang dapat dilakukan seseorang yang hampir mati, iaitu bertqwa kepada Allah dengan erti berpegang teguh dengan agamaNya, mentauhidkanNya serta memelihara diri daripada kesyirikan dan kekufuran.

Berbeza dengan ayat 16 Surah at-Taghabun, ia sedari awal lagi menuntut orang-orang yang beriman supaya beramal sebanyak mungkin, tetapi tidak pula ia menuntut mereka melakukan sesuatu yang di luar daripada kemampuan seorang manusia.

(8) Firman Allah di dalam Surah an-Nisaa':

وَلِكُلِّ جَعَلْنَا مَوْلًى مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلَّذِينَ عَقَدْتُمْ بِأَيْمَانِكُمْ فَإِن مَّا تَرَوْا كِسْفًا مِّنَ السَّمَاءِ سَاقِطَةً فَلَا إِلَى اللَّهِ فَتًى وَلاَ إِلَى رَسُولٍ شَيْءٍ

شَهِيدًا

Bermaksud: Dan bagi tiap-tiap (lelaki dan perempuan yang telah mati), kami telah tetapkan orang-orang yang berhak mewarisi peninggalannya iaitu ibu bapa dan kerabat yang dekat dan mana-mana orang yang kamu telah membuat ikatan setia dengan mereka (untuk bantu-membantu dalam masa kecemasan dan kesusahan) maka berikanlah kepada mereka bahagiannya. Sesungguhnya Allah sentiasa Menyaksikan tiap-tiap sesuatu. (an-Nisaa':33).

Menurut Imam Ibnul 'Arabi, Jalaluddin as-Suyuthi dan lain-lain, ayat ini dimansukhkan oleh ayat berikut:

الَّتِي أُولَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ وَأُولُوا الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ إِلَّا أَنْ تَفْعَلُوا إِلَىٰ أَوْلِيَائِكُمْ مَعْرُوفًا كَانَ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا ﴿٦﴾

Bermaksud: Nabi itu (hendaknya) lebih utama bagi orang-orang mukmin dari diri mereka sendiri dan isteri-isterinya adalah ibu-ibu mereka. Dan orang-orang yang mempunyai hubungan darah satu sama lain lebih berhak (waris-mewarisi) di dalam Kitab Allah daripada orang-orang mukmin dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabatnya), kecuali kalau kamu berbuat baik kepada saudara-saudaramu (seagama). Adalah yang demikian itu telah tertulis di dalam Kitab (Allah). (al-Ahzaab:6).

Bagi mereka di peringkat permulaan zaman hijrah ke Madinah, Nabi s.a.w. telah mempersaudarakan orang-orang Muhajirin dan Anshaar. Persaudaraan yang dijalin oleh Rasulullah s.a.w. di antara mereka itu dipanggil “Muakhaat”. Setiap orang daripada mereka yang dipersaudarakan itu dianggap seperti saudara sebenar yang mempunyai pertalian darah, sehingga kalau orang Anshaar yang dipersaudarakan dengan orang Muhajir meninggal dunia, saudaranya yang Muhajir akan mewarisinya seperti pewaris-pewarisnya yang lain. Begitulah juga sebaliknya. Inilah hukum yang tersebut di dalam ayat 33 Surah an-Nisaa’ itu.

Apabila hukum pesaka dengan segala perinciannya diturunkan, pada ketika itu saudara-mara yang mempunyai pertalian darah dengan si mati diutamakan daripada saudara seagama dari kalangan Muhajirin dan Anshaar yang dijalin persaudaraannya oleh Rasulullah s.a.w. sebelum itu. Mereka tidak lagi dikira sebagai pewaris si mati.

Hukum yang menyatakan kedudukan saudara-mara yang mempunyai pertalian darah dengan si mati lebih utama daripada saudara seagama hasil “muaakhat” itu terdapat di dalam ayat 6 Surah al-Ahzaab. Ayat inilah yang menjadi nasikh kepada ayat 33 Surah an-Nisaa’.

Menurut Shah Waliyyullah pula, ayat 33 Surah an-Nisaa’ itu tidak mansukh, ia bahkan satu ayat yang muhkam. Maksudnya ialah pesaka sememangnya hak pewaris yang terdiri daripada sanak saudara si mati. Saudara-saudara seagama si mati pula

berhak mendapat bahagiannya berupa wang ehsan, sagu hati dan lain-lain daripada keluarga si mati yang merupakan pewaris-pewarisnya. Adapun saudara seagama yang terjalin persaudaraannya melalui 'aqad muaakhaat itu mereka sebenarnya tidak pernah pun diberikan hak sebagai pewaris. Apa yang diberikan kepada mereka itu tidak lebih daripada wang ehsan atau sagu hati sahaja. Tetapi sesetengah pihak menganggap apa yang diberi kepada mereka sebagai pesaka. Pendapat Shah Waliyyullah ini nampaknya lebih sesuai dan selari dengan terjemahan dan tafsir al-Qur'an terbitan Departmen agama Indonesia. Lihatlah terjemahannya itu di bawah ini:

Bermaksud: Bagi tiap-tiap harta peninggalan dari harta yang ditinggalkan ibu bapak dan karib kerabat, Kami jadikan pewaris-pewarisnya. Dan (jika ada) orang-orang yang kamu telah bersumpah setia dengan mereka, maka berilah kepada mereka bahagiannya. Sesungguhnya Allah menyaksikan segala sesuatu. (an-Nisaa':33).

Bahagian yang diberikan kepada orang-orang yang kamu telah bersumpah setia dengan mereka itu adalah berupa wang ehsan atau sagu hati dan sebagainya. Ia bukanlah berupa pesaka seperti yang diberikan kepada pewaris-pewaris si mati. Ayat 6 Surah al-Ahzaab juga menceritakan perkara yang sama, iaitu orang-orang yang mempunyai hubungan darah satu sama lain lebih berhak dalam waris-mewarisi harta peninggalan. Adapun orang-orang mukmin dan orang-orang Muhajirin yang bukan kerabat si mati, maka mereka haruslah dilayani dengan baik dan penuh simpati. Boleh juga diwasiatkan sesuatu yang bernilai untuknya. Walaupun mereka tidak berhak mendapat pesaka daripada si mati, mereka juga sewajarnya diberikan sesuatu oleh penerima pesaka sebagai sagu hati, bukan sebagai sesuatu yang mesti atau wajib diberikan.

Menurut Shah Waliyyullah, perkataan *أولو الأرحام* yang tersebut di dalam ayat 6 Surah al-Ahzaab itu merupakan bayan atau mubayyin bagi perkataan *موالي* yang tersebut di dalam ayat 33 Surah an-Nisaa'. Oleh itu nasakh dengan erti yang dipakai oleh 'ulama' muta'akhirin tidak terdapat juga di sini.

(9) Firman Allah s.w.t. di dalam Surah an-Nisaa' berikut:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَأَرْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا ﴿٨﴾

Bermaksud: Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka) dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik. (an-Nisaa':8).

Menurut sesetengah 'ulama', ia dimansukhkan dengan ayat pesaka yang sedia dima'lumi.

Menurut sesetengah yang lain pula, ia tidak mansukh. Ia juga merupakan salah satu ayat yang muhkam.

Golongan 'ulama' yang mengatakan ia mansukh berhujah dengan ayat-ayat pesaka yang menunjukkan tidak semua kerabat berhak mendapat pusaka. Apa lagi anak-anak yatim dan orang-orang miskin yang bukan pewaris. Kalau mereka termasuk juga dalam kalangan pewaris, tentu bahagian-bahagian mereka juga disebutkan dengan jelas di dalam ayat-ayat pesaka seperti disebutkan bahagian-bahagian orang-orang yang memang berhak menerima pesaka.

Ada juga yang berpendapat ketika ayat itu diturunkan sememangnya mereka berhak mendapat sesuatu pemberian yang bukan merupakan pesaka sebagai suatu yang wajib. Kemudian setelah ayat pesaka diturunkan kewajibannya dimansukhkan, pemberian itu hanya tinggal sebagai suatu yang digalakkan sahaja.

Sementara segolongan yang lain pula berpendapat, ayat itu tidak pernah mansukh, baik oleh ayat pesaka atau ayat-ayat yang lain. Ia dari awal lagi diturunkan sebagai galakan kepada para penerima pesaka agar tidak terlepas pandang terhadap orang-orang itu. Mereka seeloknya diberikan sesuatu, bukan sebagai pesaka tetapi sebagai hadiah dan penghibur hati. Jika ada antara penerima pesaka anak-anak yatim misalnya, maka tidak harus diambil daripada harta pesakanya untuk diberikan kepada mereka yang tersebut. Mereka sebaliknya dilayan dengan mesra dan diucapkan kepada mereka ucapan-ucapan yang baik. Misalnya, apa boleh buat kami tidak dapat berikan kepada kamu kerana ia adalah harta anak-anak yatim. Si mati pula tidak ada berwasiat apa-apa untuk kamu. Ibnu 'Abbaas dan Shah Waliyyullah adalah antara tokoh yang berpendapat begini. Bagi mereka ayat 8 Surah an-Nisaa' itu muhkam, ia tidak pernah dimansukhkan.

(10) Firman Allah di dalam Surah an-Nisaa':

وَالَّذِي يَأْتِيَنَّكَ مِنَ الْفَاحِشَةِ مِنْ بَسَائِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِنْكُمْ فَإِنْ شَهِدُوا فَأَمْسِكُوهُنَّ فِي الْبُيُوتِ حَتَّى يَتَوَفَّيَنَّ الْمَوْتَ أَوْ
يَجْعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا ۖ وَالَّذَانِ يَأْتِيَنِهَا مِنْكُمْ فَأَازُوهُمَا فَإِنْ تَابَا وَأَصْلَحَا فَأَعْرِضُوا عَنْهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ تَوَّابًا رَحِيمًا ۝

Bermaksud: Dan sesiapa yang melakukan perbuatan keji (zina) di antara perempuan-perempuan kamu, maka carilah empat orang lelaki di antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka. Kemudian kalau keterangan-keterangan saksi itu mengesahkan perbuatan tersebut, maka kurunglah mereka (perempuan yang berzina itu) dalam rumah sampai mereka menemui ajalnya atau sampai Allah memberi jalan lain kepadanya. (15). Dan (mana-mana) dua orang lelaki di antara kamu yang melakukan perbuatan keji itu, (setelah sabit kesalahannya) maka hendaklah kamu menyakiti keduanya; kemudian jika mereka bertaubat dan memperbaiki keadaan diri mereka (yang buruk itu), maka biarkanlah mereka; kerana sesungguhnya Allah adalah sentiasa Menerima taubat, lagi Maha Luas rahmatNya. (16). (an-Nisaa':15-16).

Menurut kebanyakan 'ulama', 2 ayat di atas telah dimansuhkan dengan ayat 2 Surah an-Nuur berikut:

الرَّائِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةً جَلْدًا وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَلَيْسَ لَهُ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ۝

Bermaksud: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman. (an-Nuur:2).

Pada pandangan mereka, hukum untuk penzina wanita dan lelaki asalnya ialah seperti tersebut di dalam dua ayat berkenaan. Kemudian setelah ayat 2 Surah an-Nuur diturunkan, Nabi s.a.w. bersabda:

خُذُوا عَنِّي خُذُوا عَنِّي قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا الْبِكْرُ بِالْبِكْرِ جُلْدٌ مِائَةً وَنَفْيٌ سَنَةً وَالتَّيْبُ بِالتَّيْبِ جُلْدٌ مِائَةً وَالرَّجْمُ

Bermaksud: Ambillah (terimalah) daripadaku, Ambillah (terimalah) daripadaku. Sesungguhnya Allah telah memberi jalan lain kepada mereka. Anak dara yang berzina dengan anak dara hendaklah disebat seratus sebatan dan dibuang negeri selama setahun. Janda yang berzina dengan janda hendaklah disebat seratus sebatan dan direjam. (Hadits riwayat Muslim, Abu Daud, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, Ahmad, an-Nasaa'i, ad-Daarimi dan lain-lain).

Menurut Shah Waliyyullah pula, tidak ada hukum yang dinasakhkan di sini. Apa yang berlaku ialah tempoh hukum yang tersebut di dalamnya telah tamat setelah berlalu sekian lama masa. Selepas itu datanglah pula hukum lain untuk kesalahan yang sama. Ini kerana nasakh dalam istilah muta'akhhirin ialah menamatkan hukum sebelumnya secara mutlaq. Adapun hukum yang terta'luk dengan jangka masa atau ia dilaksanakan hingga ke suatu tempoh tertentu, tidaklah ia mansukh dengan hukum yang datang kemudian. Di dalam kitab Usul Fiqh mazhab Hanafi yang terkenal bernama Nurul Anwar tersebut begini:

إذا التحق به التوقيت لا ينسخ قبل ذلك الوقت وبعده لا يطلق عليه اسم النسخ

Bermaksud: Apabila sesuatu hukum terikat dengan waktu, maka ia tidak boleh dinasakhkan sebelum habis waktunya. Setelah habis waktunya pula ia tidak boleh dikatakan mansukh. (Lihat Nurul Anwar m/s 209).

Perkataan سبيلا yang tersebut di akhir ayat 15 Surah an-Nisaa' itu merupakan suatu yang mujmal. Ayat 2 Surah an-Nuur dan hadits yang dikemukakan di atas tidak lebih daripada bayan (keterangan) bagi perkataan سبيلا itu. Ia bukan nasikhnya, tetapi bayan baginya. Perintah Allah supaya menyakiti dua orang yang melakukan perbuatan keji (zina) di dalam ayat 16 Surah an-Nisaa' juga mujmal, kerana tidak jelas bentuk dan kadarnya. Ayat 2 Surah an-Nuur dan hadits yang dikemukakan di atas juga menjadi bayan atau mubayyin (penjelas) dan mufassshal (keterangan terperinci) kepada apa yang mujmal itu. Namun ia tetap tidak memansukhkannya.

Syeikhul Hadits Darul Uloom Deoband, Maulana Sa'id Ahmad Palanpuri pula berpendapat, ayat 15 dan 16 itulah yang seharusnya dipakai dalam keadaan hukum hudud berdasarkan ayat 2 Surah an-Nuur tidak dilaksanakan di sesebuah negara. Dalam keadaan negara betul-betul merdeka dan berdaulat pula ayat 2 Surah an-Nuur itulah yang seharusnya dikuatkuasakan. Ayat 15 dan 16 Surah an-Nisaa' muhkam

seperti ayat 2 Surah an-Nuur juga. Tidak ada mana-mana daripadanya dimansuhkan, cuma masing-masing daripadanya haruslah digunakan dalam keadaan-keadaan yang sesuai.

Sebilangan 'ulama' tafsir, termasuk juga sekumpulan 'ulama' tafsir al-Azhar seperti al-Imam al-Ustaz Muhammad 'Abduh, Rasyid Ridha, 'Abdul Jalil 'Isa dan lain-lain berpendapat ayat 15 dan 16 Surah an-Nisaa' tidak dimansuhkan, baik dengan ayat 2 Surah an-Nuur atau hadits yang dikemukakan di atas. Bagi mereka, ayat 15 Surah an-Nisaa' berkenaan dengan hukuman terhadap wanita-wanita yang terlibat dengan amalan seks sumbang sesama jenis (lesbianisme). Sementara ayat 16 pula berkaitan dengan hukuman terhadap lelaki homoseksual yang terlibat dengan amalan seks sumbang sesama jenis mereka. Adapun ayat 2 Surah an-Nuur, maka ia berkenaan dengan hukuman terhadap pezina lelaki dan wanita. Demikian juga dengan hadits di atas. Ia memperincikan lagi hukuman terhadap pezina. Antara tokoh tafsir yang berpendapat demikian dari kalangan Salaf ialah Mujahid.